

## AMALAN KERJA SOSIAL DALAM KALANGAN SUKARELAWAN DI MALAYSIA

### *SOCIAL WORK PRACTICE AMONG VOLUNTEERS IN MALAYSIA*

Nurzaimah Aslal<sup>1\*</sup> & Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu

*Email: nurzaimah@fsk.upsi.edu.my*

**Published:** 21 December 2023

**To cite this article (APA):** Aslal, N., & Tuan Sembok, T. M. Z. (2023). Amalan kerja sosial dalam kalangan sukarelawan di Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(2), 38–45. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.4.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.2.4.2023>

### **Abstrak**

Sukarelawan merupakan salah satu aktor yang penting dalam masyarakat. Proses menolong yang diberikan oleh golongan ini sudah tidak dapat dinafikan lagi keperluannya dalam membantu komuniti. Walau bagaimanapun, seseorang sukarelawan itu tidak terikat dengan mana-mana profesion profesional mahupun nilai dan etika dalam menyediakan perkhidmatannya. Justeru, aspek kesukarelawanan amat terkait dengan bidang kerja sosial. Bidang kerja sosial yang mempunyai beberapa kemahiran serta nilai dan etika sering digunapakai atau diaplikasikan oleh golongan sukarelawan. Namun, masih segelintir sukarelawan yang mengetahui bidang serta kemahiran kerja sosial yang dilihat amat penting untuk dikuasai oleh seseorang sukarelawan. Sehubungan dengan itu, sukarelawan amat digalakkan untuk mengikuti beberapa kursus bagi mempertingkatkan kemahiran mereka. Usaha ini dapat dilihat melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) yang menyediakan kursus kerja sosial kepada sukarelawan yang menguruskan persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan. Penyediaan kursus kerja sosial ini dianggap mampu meningkatkan kemahiran, nilai dan etika para sukarelawan dalam membantu untuk meningkatkan kesejahteraan individu, kumpulan serta komuniti. Malah, usaha ISM ini juga sekaligus dapat meningkatkan profesion kerja sosial agar lebih dikenali serta dianggap penting oleh komuniti sekitar. Artikel ini akan menjelaskan kemahiran-kemahiran dalam praktis kerja sosial yang perlu diterapkan oleh sukarelawan semasa mereka mengendalikan kes melibatkan kumpulan sasaran khususnya. Artikel ini mampu meningkatkan kesedaran terhadap persatuan atau pertubuhan yang menyediakan sukarelawan yang lebih kompeten dalam mengendalikan kes melibatkan kumpulan sasaran dengan mengamalkan praktis kerja sosial.

**Kata Kunci:** Sukarelawan, Kerja Sosial, Peranan kerja sosial, Kemahiran kerja sosial

### **Abstract**

*Volunteers are one of the important actors in society. The helping process given by this group can no longer be denied of its need to help the community. However, a volunteer is not bound by any professional profession or values and ethics in providing his services. Thus, the aspect of volunteering is closely related to the field of social work. Fields of social work that have some skills as well as values and ethics are often used or applied by volunteers. However, there are still a few volunteers who know the field and social work skills that are seen as very important for a volunteer to master. In connection with that, volunteers are highly encouraged to follow several courses to improve their skills. This effort can be seen through the Social Institute of Malaysia (ISM) which provides social work courses to volunteers who manage associations or non-governmental organizations.*

*The preparation of this social work course is considered to be able to improve the skills, values and ethics of volunteers in helping to improve the well-being of individuals, groups and communities. In fact, this ISM effort can also improve the social work profession so that it is better known and considered important by the surrounding community. This article will explain the skills in social work practice that volunteers need to apply when they handle cases involving specific target groups. This article is able to raise awareness of associations or organizations that provide volunteers who are more competent in handling cases involving target groups by practicing social work practices.*

**Keywords:** *Volunteering, Social Work, Role of social work, Social work skills.*

## **PENGENALAN**

Hunt dan Colander (2002) menyatakan bidang sains sosial merupakan bidang yang terdiri daripada antropologi, sosiologi, sejarah, ekonomi, geografi, sains politik dan psikologi termasuklah kerja sosial. Sejak tahun 1975, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan menawarkan kursus rancangan kerja sosial di Universiti Sains Malaysia. Kursus ini diwujudkan bagi tujuan melatih pelajar agar mahir dalam memberi perkhidmatan pertolongan kepada masyarakat. Selain itu, penawaran kursus kerja sosial juga adalah bagi memberi peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan kebajikan masyarakat dan organisasi khidmat manusia kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam membantu golongan yang berkeperluan. Matlamat program ini juga adalah bagi melahirkan graduan kerja sosial yang terlatih dan profesional untuk keperluan badan-badan kerajaan, bukan kerajaan, swasta dan industri.

Selaras dengan pandangan ini menunjukkan profesion kerja sosial ini juga amat penting dalam bidang kesukarelawanan. Kesukarelawanan adalah merujuk kepada perbuatan melakukan sesuatu tindakan dengan matlamat untuk membantu individu atau kumpulan tertentu, tidak melibatkan paksaan daripada mana-mana pihak, tidak melibatkan sebarang bentuk bayaran atau ganjaran material, dilakukan secara individu atau kolektif serta dilakukan secara formal atau tidak formal (Normah et al., 2019). Kesukarelawanan bukan satu fenomena baharu dalam masyarakat di mana kewujudannya bermula sejak dari pembinaan tamadun dan pembentukan masyarakat (Aishah Nadirah & Tajul Arifin, 2013; Harris et al., 2016; Azizan, 2016). Semangat saling membantu dalam komuniti menyebabkan budaya kesukarelawanan tetap segar dalam komuniti. Walau bagaimanapun, keperluan bidang kesukarelawanan yang bukan sahaja memfokuskan aspek menolong dari segi bantuan makanan atau pakaian. Namun kini, kesukarelawanan telah menjangkau aspek membantu kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran ini termasuklah golongan warga emas, golongan kurang upaya, kanak-kanak, wanita, gelandangan dan golongan berisiko yang lain. Situasi ini memerlukan seseorang sukarelawan itu tidak boleh melaksanakan atau menyampaikan perkhidmatan tertentu tanpa adanya minima kemahiran dalam membantu kumpulan sasaran tersebut.

Kini, sudah banyak *non-governmental organization* (NGO) ditubuhkan bagi memfokuskan bantuan golongan kumpulan sasaran ini. Namun, sejauhmana sukarelawan yang berkhidmat dalam NGO ini terdedah dengan kemahiran menolong golongan sasaran ini. Berdasarkan keadaan ini, Institut Sosial Malaysia (ISM) mempunyai usaha untuk memberikan kursus kepada sukarelawan yang berkhidmat dengan NGO agar mereka terdedah dengan kemahiran-kemahiran dalam profesion kerja sosial. Pendedahan ini dipercayai mampu meningkatkan lagi kemahiran serta pengetahuan sukarelawan untuk membantu golongan sasaran. Peranan NGO ini juga sudah pasti dapat membantu golongan keluarga yang memerlukan perkhidmatan serta pihak kerajaan dalam menguruskan golongan sasaran.

## TINJAUAN LITERATUR

### *Perkaitan Peranan Pekerja sosial dengan Sukarelawan*

Bidang kerja sosial dan kesukarelawanan merupakan bidang yang berlainan. Bidang kerja sosial adalah terikat dengan nilai dan etika yang digariskan oleh National Association Social Work (NASW) menyebabkan bidang kerja sosial merupakan salah satu bidang professional. Berbeza dengan kesukarelawanan, bidang ini tidak terikat dengan mana-mana nilai dan etika dan tiada satu badan yang mengawal selia aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan. Namun begitu, kedua-dua bidang ini sering terkait dari segi peranannya dan memerlukan sama ada pekerja sosial mahupun sukarelawan perlu menguasai beberapa kemahiran dalam proses menolong.

Sebanyak 12 peranan utama pekerja sosial sebagai membantu individu, keluarga dan masyarakat untuk berkefungsian dan mampu mencapai kesejahteraan. Bagi melaksanakan peranan tersebut pekerja sosial perlu (Sheafor dan Horejsi, 2012; Zastrow, 2017). Artikel ini akan membincangkan tentang perkaitan peranan pekerja sosial dengan sukarelawan:

- i. **Bertindak sebagai *enabler* atau pemampu.** Menerusi peranan ini, pekerja sosial berperanan untuk membantu individu dan kumpulan untuk memenuhi keperluan mereka, mengenal pasti masalah klien, mengenal pasti strategi resolusi dan membangunkan kemampuan klien untuk menyelesaikan masalahnya. Keadaan ini sama dengan sukarelawan yang juga menjalankan peranan sebagai pemampu. Selalunya, sukarelawan yang menjadi actor pertama yang membantu komuniti berikutan sukarelawan ini adalah terdiri daripada golongan komuniti itu sendiri.
- ii. **Bertindak sebagai *broker* atau penghubung.** Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial perlu berpengetahuan untuk mengenal pasti masalah dan keperluan utama klien. Pekerja sosial haruslah mempunyai pengetahuan tentang polisi dan agensi untuk dihubungkan kepada klien agar mampu menyelesaikan masalah dihadapi. Berdasarkan peranan ini, sukarelawan juga perlu seorang yang infomatif dalam membantu komuniti. Sukarelawan perlu mengetahui bagaimana mahu menghubungkan komuniti dengan bantuan-bantuan yang selayaknya komuniti itu terima.
- iii. **Bertindak sebagai *advocate* atau pelindung** (Siagian, 2010). Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial harus bertindak sebagai advokasi. Biasanya pekerja sosial akan berperanan melindungi klien berdasarkan dasar dan undang-undang yang sedia ada. NASW (1999) menyatakan peranan ini sebagai tugas utama dalam misi membantu klien. Pekerja sosial haruslah melindungi klien dan memastikan klien mampu mencapai haknya berdasarkan dasar sedia ada. Setiap klien itu adalah unik dan layak mendapatkan hak untuk mencapai kefungsian dan kesejahteraannya. Dalam aspek kesukarelawanan pula, NGO mempunyai peranan besar sebagai pelindung. Rumah kebajikan yang ditubuhkan oleh NGO seharusnya memastikan sukarelawan itu menjalankan tugas dan amanahnya dengan profesional.
- iv. **Bertindak sebagai *empowered* atau memperkasa.** Peranan ini merupakan proses membantu individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan komuniti meningkatkan personaliti, komunikasi, sosio ekonomi dan politik. Peranan ini dijalankan dengan memfokuskan kepada kesamarataan sumber dan kuasa dalam pelbagai kumpulan dan komuniti. Dalam aspek kesukarelawanan, kini NGO telah memfokuskan kepada memberi latihan kepada golongan sasaran. Contohnya, Rumah Cheshire yang membantu golongan Kurang Upaya diberikan beberapa kemahiran seperti menjahit, membuat roti dan membuat kraf tangan. Objektif utamanya adalah bagi mengelakkan pergantungan golongan sasaran ini pada NGO mahupun bantuan kerajaan. Berdasarkan kemahiran yang diberikan ianya mampu memperkasa golongan kurang upaya.
- v. **Bertindak sebagai *mediator* atau pengantara.** Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial harus bekerjasama bersama agensi lain untuk memberi pertolongan kepada individu, keluarga

dan masyarakat. Proses pertolongan haruslah bermula dengan individu, keluarga, jiran, masyarakat dan seterusnya agensi yang bersesuaian. Hal ini memerlukan pekerja sosial fokus terhadap halangan diperoleh serta persekitaran klien. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan peranan sukarelawan yang turut menjadi perantara antara komuniti dengan agensi tertentu. Berdasarkan peranan ini juga membantu NGO dalam mendapatkan dana bagi membantu golongan komuniti tertentu.

- vi. **Bertindak sebagai *negotiator* atau perunding.** Pekerja sosial menjalankan peranan ini setelah berlaku konflik lebih daripada satu isu. Peranan sebagai perunding ini memerlukan pekerja sosial tersebut perlu menyebelahi satu pihak sahaja. Oleh itu, bagi menjalankan peranan ini pekerja sosial perlu lebih kritis dalam mengenal pasti sesuatu isu atau masalah dan menetapkan keputusan dalam konflik yang dihadapi. Begitu juga dengan sukarelawan, peranan ini memerlukan sukarelawan perlu mengenal pasti komuniti yang layak mendapat bantuan yang sepatutnya. Kini, pihak NGO juga memerlukan maklumat-maklumat komuniti agar bantuan yang disampaikan adalah bertepatan dengan mereka yang betul-betul memerlukan.
- vii. **Bertindak sebagai *educator* atau pendidik.** Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial perlu bersikap optimistik dalam membantu klien. Oleh sebab klien tidak berkeupayaan dan berpengetahuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, sebagai pekerja sosial haruslah menyokong dan memberi pengetahuan kepada klien agar mampu mencapai kefungsiannya. Pekerja sosial boleh melaksanakan peranan ini dengan menyediakan program dan berhubung dengan agensi pertolongan yang sesuai agar individu, keluarga dan masyarakat tahu keperluan mereka. Berdasarkan peranan ini, bidang kesukarelawan juga semakin penting keperluannya. Antara NGO yang memfokuskan kepada pendidikan seperti Teach For Malaysia, Borneo Komrad, HALUAN. NGO ini telah ditubuhkan dalam memberikan pendidikan kepada golongan orang asli, kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen dan sekolah pedalaman. Penubuhan NGO ini memperlihatkan kepentingan NGO yang menyediakan pendidikan tanpa mengira kerakyatan.
- viii. **Bertindak sebagai *initiator* atau pemula.** Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial perlu mengenal pasti potensi masalah. Sesuatu masalah berlaku perlu mendatangkan impak kepada individu, keluarga, kumpulan dan komuniti. Jika sesuatu isu yang timbul akan menyebabkan kelumpuhan kepada individu, keluarga, kumpulan dan komuniti, maka pekerja sosial perlu memberi perhatian sejauh mana isu tersebut menjadi masalah kepada klien. Bagi sukarelawan pula, kebiasaannya sukarelawan adalah terdiri daripada sesebuah komuniti itu sendiri. Keadaan ini memudahkan komuniti mendapatkan akses dan bantuan lebih cepat. Sukarelawan dalam komuniti ini juga bertindak sebagai pemula kepada komuniti tersebut dan mengenal pasti bantuan yang diperlukan.
- ix. **Bertindak sebagai *researcher* atau penyelidik.** Bagi menjalankan peranan ini, pekerja sosial haruslah sentiasa menyelidik keperluan dan proses pertolongan yang sesuai terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Keperluan dan proses pertolongan adalah berbeza untuk tiap-tiap individu. Malah keperluan mereka juga turut berubah mengikut proses modenisasi sesebuah negara. Dalam aspek kesukarelawanan, kebiasaannya melibatkan NGO yang lebih kukuh dan mempunyai bajet untuk melaksanakan penyelidikan. Mohd Saiden, et al. (2019) menyatakan terdapat NGO yang menyediakan dana penyelidikan dan memberikan geran kepada pakar-pakar bagi melaksanakan penyelidikan yang relevan dalam membantu komuniti.
- x. **Bertindak sebagai *public speaker* atau pembicara awam.** Pekerja sosial boleh menjadi penyampai kepada awam. Selalunya peranan ini dijalankan untuk memberi maklumat kepada masyarakat tentang perkhidmatan yang baru dan boleh dicapai oleh klien. Penyampaian maklumat kepada awam yang lebih terbuka membuat masyarakat sekeliling menyedari adanya perkhidmatan yang mampu membantu mereka. Dalam aspek kesukarelawanan pula, sukarelawan selalunya memberikan kesedaran kepada komuniti melalui pelaksanaan program dan media sosial. Terdapat beberapa NGO yang sudah mulai menyedari peranan juga sebagai

pembicara awam. Menyedari komuniti setempat yang agak kurang informasi, sukarelawan juga mempunyai peranan sebagai penyampai maklumat yang tepat.

## **APLIKASI KEMAHIRAN KERJA SOSIAL DALAM KESUKARELAWANAN**

National Association of Social Work (NASW) telah menggariskan 9 kemahiran kerja sosial yang menjadi amalan dalam praktis. Kemahiran-kemahiran ini begitu relevan digunapakai semasa proses menolong berlangung terutama melibatkan kumpulan sasar. Oleh itu, beberapa kemahiran kerja sosial ini boleh diaplikasikan kepada sukarelawan (Nurzaimah, Muhammad Ridhwan & Mohamad Basri, 2023). Malah berdasarkan kemahiran-kemahiran ini, adalah digalakkan bagi NGO untuk menyediakan kursus bagi sukarelawan agar memahami sekaligus mengaplikasikan kemahiran ini dalam proses menolong.

<b>Bil.</b>	<b>Kemahiran</b>	<b>Aplikasi</b>
1	Kemahiran mendengar dan memahami klien	-Kemahiran mendengar dan memahami klien merupakan kemahiran asas yang perlu ada sebagai pekerja sosial. Dalam aspek kesukarelawan, kemahiran ini juga menjadi penting berikutan sukarelawan merupakan golongan yang bekerja dengan komuniti (Azizan, 2016). Sebagai sukarelawan, perlu ada kesedaran untuk memahami klien tanpa memberi stigma kepada seseorang. Selain itu, kemahiran ini juga penting kepada sukarelawan agar menjaga kerahsiaan segala maklumat yang diperoleh. Sukarelawan tidak dibenarkan untuk menyebarkan segala maklumat yang diperoleh kepada umum dan bertanggungjawab untuk merahsiakannya.
2	Kemahiran mentafsir informasi	-Informasi atau maklumat yang diterima daripada komuniti juga adalah perlu diperhalusi. Sebagai sukarelawan, segala informasi yang diterima daripada komuniti perlu ditapis dan menentukan kesahihannya. Oleh sebab NGO memperoleh dana daripada umum, proses bantuan yang diberikan perlu lebih telus dan memastikan kesahihan maklumat yang diberikan oleh komuniti itu sendiri.
3	Kemahiran mengekalkan hubungan profesional	-Dalam profesion kerja sosial, mengekalkan hubungan professional adalah perlu dan mengikut etika yang ditetapkan. Dalam konteks kesukarelawan, ketiadaan nilai dan etika menyebabkan bidang ini tidak terikat dengan mana-mana badan. Walau bagaimanapun, begitu penting untuk sukarelawan diberikan pendedahan tentang mengekalkan hubung professional dengan klien (Labianca, 2020). Sukarelawan tidak dibenarkan berkongsi maklumat peribadi dengan klien dan sebaliknya. Hal ini penting bagi mengelakkan isu-isu gangguan seksual dan memelihara hubungan baik antara sukarelawan dengan klien.

- 
- |   |  |   |
|---|--|---|
| 4 | Kemahiran memerhati tingkah laku klien                   | -Kemahiran ini juga adalah salah satu yang perlu dikuasai oleh pekerja sosial menerusi teori yang dipelajari. Bagi sukarelawan yang mempunyai pengetahuan asas tentang perkembangan tingkah laku manusia tidak mempunyai masalah bagi menguasai kemahiran. Malah, sukarelawan yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berkaitan akan mempraktiknya semasa turun lapangan. Bagi sukarelawan yang tidak mempunyai asas, penyediaan kursus asas adalah perlu. Terutama NGO yang membantu golongan sasaran, kemahiran asas untuk memahami tingkah laku klien adalah sudah menjadi kewajiban kepada sukarelawan (National Council of Social Services, 2021). Keadaan ini dianggap penting bagi mengelakkan isu penderaan dan ketiadaan kemahiran asas dalam mengurus golongan sasaran. |
| 5 | Kemahiran membentuk kepercayaan klien                    | -Kemahiran ini merupakan kemahiran yang perlu terutama dalam membantu individu dalam komuniti. Dalam konteks kesukarelawan, membentuk kepercayaan klien adalah perkara utama yang perlu. Kesediaan klien untuk berkongsi maklumat adalah ditentukan berdasarkan kebolehan sukarelawan dalam bertanyakan soalan, nada percakapan, bahasa tubuh dan fokus semasa proses menolong berlangsung. Individu atau klien agak sukar untuk berkongsi masalah yang sebenar dihadapinya. Oleh itu, kemahiran ini juga membantu sukarelawan untuk mendapat maklumat yang tepat dan perlu merahsiakan segala maklumat yang diperolehi.  |
| 6 | Kemahiran menjadi orang tengah dalam menyelesaikan klien | -Kemahiran ini memerlukan sukarelawan seorang yang berinfomatif atau bermaklumat. Dalam aspek kerja sosial, kemahiran ini sememang perlu untuk menghubungkan klien dengan agensi yang membolehkan klien mencapai kesejahteraannya. Dalam kesukarelawan, biasanya NGO sudah mengenal pasti golongan tertentu yang sesuai dengan perkhidmatan mereka (Labianca, 2020). Walau bagaimanapun, sukarelawan juga masih memerlukan maklumat yang membantu klien menghubungkan dengan perkhidmatan yang sepatutnya. Contohnya, golongan kurang upaya, pihak NGO perlu memastikan individu itu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Begitu juga bagi kes-kes penderaan, sukarelawan juga perlu mengetahui langkah yang tepat yang perlu dilakukan oleh individu tersebut.               |
| 7 | Kemahiran membincangkan isu sensitif                     | -Isu sensitif selalunya melibatkan mangsa rogol, gangguan seksual, golongan transgender dan mangsa keganasan. Sememangnya bagi  |
-

---

8	Kemahiran menyedia penyelesaian dan inovatif	mengendalikan kelompok ini memerlukan sukarelawan yang mempunyai kemahiran khusus atau yang telah mengikuti kursus tertentu. Kebiasaannya NGO yang menyediakan perkhidmatan ini juga menghantar sukarelawan untuk mengikuti kursus asas bagi membantu golongan tersebut. -Kemahiran ini juga penting untuk dikuasai oleh sukarelawan bagi memastikan komuniti mencapai objektifnya dalam proses menolong (Mukherjee, 2010). Penyelesaian antara NGO juga adalah berbeza dan ini mewujudkan kepelbagaian proses penyelesaian masalah. Walau bagaimanapun, setiap perkhidmatan yang diberikan perlu lebih berinovatif dan bersesuaian dengan keperluan semasa.
9	Kemahiran memberhentikan hubungan dengan klien	-Memberhentikan hubungan dengan klien merupakan salah satu aspek yang penting bagi mengelakkan wujud pegantungan klien terhadap perkhidmatan yang disampaikan. Keadaan ini sama dalam aspek kesukarelawanan, NGO yang menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran harus memberi maklumat kepada komuniti bahawa proses pertolongan ini tidak berterusan dan perlu ditamatkan dalam tempoh masa tertentu. Apabila klien mendapat maklumat ini, klien atau komuniti itu sendiri mengetahui tahap proses bantuan itu dan ianya tidak berpanjangan. Selalunya dalam isu kesukarelawanan, segelintir komuniti berharap sepenuhnya kepada pihak NGO. Oleh itu, kemahiran ini penting diterapkan kepada sukarelawan agar mereka tahu keterbatasan proses pertolongan (Stephanie & Mahtani, 2020). Dalam konteks rumah kebajikan bagi kumpulan sasaran, biasanya NGO menyediakan kemahiran-kemahiran tertentu kepada kumpulan sasaran agar mereka boleh berdikari dan menjana pendapatan sendiri.

---

## KESIMPULAN

Artikel ini membincangkan tentang peranan dan kemahiran kerja sosial yang bersesuaian diaplikasikan kepada golongan sukarelawan. Amalan kerja sosial sememang sudah tidak asing lagi dan sering dipraktikkan dalam membantu komuniti. Walau bagaimanapun, bidang kerja sosial masih kurang dikenali di negara ini walaupun ramai orang menjalankan tugas membantu dan membangunkan komuniti berikutan belum wujud Akta Kerja Sosial untuk mengawal selia proses pertolongan. Oleh itu, profesion ini juga semakin penting dan sudah tiba masanya sukarelawan melalui NGO yang berdaftar mengaplikasikan amalan kerja sosial ini.

Salah satu institusi yang kini giat dalam memberikan latihan dan kursus kepada sukarelawan adalah Institut Sosial Malaysia (ISM). Institut ini menyediakan kursus kepada sukarelawan bagi memberi pendedahan awal amalan asas dalam kerja sosial. Pendedahan ini akan mampu meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam kalangan sukarelawan yang membantu khususnya golongan sasaran. Proses pertolongan yang memerlukan kemahiran tertentu menjadi penting untuk diaplikasikan kepada

sukarelawan. Golongan sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tidak mempunyai syarat tertentu dalam amalan menjadikan kursus amalan kerja sosial ini adalah relevan untuk dilaksanakan kepada sukarelawan dalam menyampaikan perkhidmatannya.

## RUJUKAN

- Aishah Nadirah, M.A. & Tajul Arifin, M. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. Langkawi, Malaysia. 25-26 November 2013.
- Azizan, B. (2016). Kesukarelawan. Pustaka Qarya. Perlis: Kangar.
- Harris, B., Morris, A., Ascough, R.S., Chikoto, G.L., Elsen, P.R., McLoughlin, J. et al. (2016). History of associations and volunteering. Dalam Smith, D.H., Stebbin, R.A. & Grotz, J. (eds.). The palgrave handbook of volunteering, civic participation and non profit association [p. 23-58]. Palgrave Macmillan.
- Hunt & Colander. (2002). Social Science: An Introduction to the Study of Society. (11<sup>th</sup> eds). Boston: Allyn and Bacon.
- Labianca, J. (2020). 21 Virtual Volunteer Opportunities You Can Do From Home. From: <http://www.goodhousekeeping.com>
- Mohd Saiden, S., Aswan, R., & Marni N. . (2019). Peranan Non-Government Organisation (NGO) dalam Komuniti Masyarakat Menurut Islam. In: Seminar Institusi Islam 2019, 18 Ogos 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur. (Unpublished)
- Mukherjee, D. (2010). An Exploratory Study of Older Adults Engagement with Virtual Volunteerism. *Journal of Techonology in Human Sevices* 28(3) 188-196. From: <http://doi.org/10.1086/15228835.2010.508368>
- National Council of Social Services. (2021). Emerging Stronger Together: A Guide Beyond Covid-19.
- Normah, A. N & Ain Zahirah, M. Z. (2021). Manfaat Penglibatan dalam Kesukarelawan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration* 15, 67-84
- Normah, A. N. Kamal, M.Y. & Fazil, A. (2019). Contributions Of Volunteering University's Student to National Economy. *International Journal of Asian Sosial Science*, 7 (12), 971-976.
- Nurzaimah, A., Muhammad Ridhwan, S., & Mohamad Basri, J. (2023). *Kesukarelawan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Stephanie, T. & Mahtani, K. R. (2020). Volunteering during the Covid-19 Pandemic: What are the Potential Benefits to People's Well Being? From: [www.cebm.net](http://www.cebm.net)
- Sheafor, B. W. & Horejsi, C. R. (2012). Techniques and Guidelines for Social Work Practice (9th eds.). Upper Saddle River, NJ: Allyn and Bacon.
- Zastrow, C. (2017). Introduction to Social Work and Social Welfare: Empowering People. Boston, MA: Cengage Learning.